

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	19 FEBRUARY 2017



Dr. Mahathir liabiliti Pas

UM - 19/2/2017

MUKADIMAH

PENGERUSI Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad akhirnya menampakkan 'tembelangnya' yang sebenar. Rupa-rupanya beliau sendiri tidak yakin dengan kekuatan Pas apabila membuat pelawaan supaya parti itu kembali menyertai pakatan harapan diketuai DAP. Nampak benar, Dr. Mahathir

sekadar 'ajak-ajak ayam' sahaja apabila menetapkan pendirian andai dipilih DAP atau Pas, bekas Perdana Menteri itu lebih rela memilih parti yang pernah dicapinya sebagai rasis.

Wartawan *Mingguan Malaysia* ZULKIFLI JALIL menyorot pendirian Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang disertai beberapa pemimpin kanan parti itu selain Presiden PAN, Mohamad Sabu terhadap tindak tanduk Dr. Mahathir sebulan dua ini.

Sudah berapa kali Tun M keluar masuk UMNO, masuk selepas itu keluar balik, (beliau) tak konsisten."

DATUK SERI ABDUL HADI AWANG
Presiden Pas
(27 Januari 2017) • Berhubung gesaan Dr. Mahathir agar pakatan pembangkang menolak Pas]



Kedaaan politik bagi Malaysia sangat mencabar dalam suasana orang Islam 65 peratus manakala bukan Islam 35 peratus. Namun, kuasa politik Islam sangat lemah dan puncanya ialah strategi PM (Perdana Menteri) lalu, Tun Dr. Mahathir yang ambil strategi singkirkan Pas. Strategi ini makan diri UMNO dan Islam sendiri dan ini perlu diperbetulkan oleh kita semua. Sebab itu kita ajak orang UMNO, apatah lagi orang Pas untuk perbetulkan keadaan. "Banyak kalangan kita bersorak (tapi) tak sedar. Semangat (tapi) tak faham bagaimana kita berpijak hari ini apabila dipecahkan kawasan pilihan raya bagi singkirkan Pas."

DATUK SERI ABDUL HADI AWANG
9 Februari 2017

DAHULU jentera Pas diakui menjadi faktor memenangi pskatan pembangkang pada 2008 dan 2013. Kini Pas ibarat habis manis sepagh dibuang.



Jika parti itu (PPBM) mempunyai hubungan dengan DAP dan PAN, maka kita tidak akan bersama dengan mereka walau dengan apa alasan atau sebab sekali pun."

DATUK DR. MAHFODZ MOHAMED
Ketua Dewan Ulama Pas
1 Februari 2017



Saya nampak pemikiran Dr. Mahathir dan DAP sama apabila menyentuh isu agama Islam.

Sebab itu dia lebih senang bersama DAP berbanding bersama Pas. Sikap mereka terhadap agama Islam lebih kurang."

DATUK MOHD. AMAR NIK ABDULLAH
Naib Presiden Pas
1 Februari 2017

Pas tidak akan menyertai Pakatan Harapan selagi pakatan itu disertai DAP dan PAN. "Ini bukan macam teka silangkata yang mempunyai tempoh tertentu."

DATUK MOHD. AMAR NIK ABDULLAH
12 Februari 2017

Rakan-rakan DAP juga kena membantu. Persepsi ketuanan Melayu dibina Mahathir cukup lama. "Meskipun terlalu banyak isu yang telah disuarakan, namun pembangkang tetap tidak diyakini oleh pengundi Melayu."

MOHAMAD SABU
Presiden PAN
8 Februari 2017

Dr. Mahathir hendaklah hormat dengan Pas dan jangan buat Pas seperti budak-budak, tindakannya memberi amaran merupakan sikap tidak baik. "Kami dah lama jadi pembangkang 22 tahun (dari) zaman beliau (Dr. Mahathir) menjadi perdana menteri."

IDRIS AHMAD
Naib Presiden Pas

[12 Februari 2017- Berikutan kata dua bekas perdana menteri itu kepada Pas yang memberi tempoh sebulan isu penyertaan dalam pakatan harapan.]

Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) tidak akan sesekali mengetepikan DAP sematamata untuk bekerjasama dengan Pas.

"Kerana itu, kita tidak akan meninggalkan parti yang memiliki 39 kerusi (DAP) hanya sematamata untuk mendapat sokongan parti yang hanya memiliki kurang daripada 20 kerusi (Pas)."

TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD
Pengerusi PPBM
14 Februari 2017

Apa lagi boleh kita lakukan. Saya tidak mahu merangkak dan mencium kaki pemimpin Pas. Cukuplah.

"Kami akan tetap memberi mereka sebulan, walaupun mereka berkata satu bulan tidak perlu. Kami adalah orang yang sangat bermurah hati."

DR. MAHATHIR
14 Februari 2017

Pencapaian parti-parti politik dalam PRU 2008 dan 2013

	PRU-12		PRU-13	
	PARLIMEN	DUN	PARLIMEN	DUN
BN	140 (-7)	307 (-32)	133	275
DAP	28 (+10)	73 (+22)	38	95
PKR	31 (-1)	40 (+9)	30	49
Pas	23 (-2)	83 (+2)	21	85
Bebas	-	2 (-1)	-	1
Jumlah	222	505	222	505